

Cahaya

چھای

JAKIM
جایقہ کماوان اسلام ملیسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Pembimbing Remaja Cemerlang Bil 2/2022

Remaja Berakhlak Permata Ummah

Biar Al-Quran Berbicara

Remaja Berkualiti
Negara Sejahtera

Hukum Mengadakan Majlis
Pertunangan Secara
Besar-Besaran

Remaja Dan Tanggungjawab

PERCUMA

ISSN 2976-2529



9 7729 7625 2004

Menjunjung Akhlak



Shamsudin Othman
Madrasah Sham al-Johori,
Bangi, Selangor

Pucuk putat ulam diraja,
Makanan kegemaran anak rusa,
Sekalung nasihat untukmu remaja,
Sebagai panduan pewaris bangsa.


Cantik menawan bunga kemboja,
Harum semerbak memukau sukma,
Bangkitlah aduhai para remaja,
Menjunjung adab mendaulat agama.

Beriadah pagi di Bukit Tinggi,
Singgah bermain di rumah teman,
Jadilah remaja berjiwa berani,
Mempertahan maruah memperaga iman.

Gadis kampung berkain batik,
Duduk di anjung menjahit sujinya,
Apa guna berwajah cantik,
Jika tiada amalan budinya.

Harum cempedak wangi baunya,
Menjadi idaman sepanjang hari,
Akhlak remaja dua cabangnya,
Pertama bahagia, keduanya terpuji.

Nyiur gading lembut melambai,
Ditiup angin sepoi menari,
Remaja berakhlak disanjung tinggi,
Demikian nasihat untuk diteladani.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Cahaya diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

KANDUNGAN

| | | | |
|---|-----------|---|-----------|
| SAJAK Menjunjung Akhlak | 2 | TANYA JAWAB Hukum Mengadakan Majlis Pertunangan Secara Besar-Besaran | 15 |
| SIDANG REDAKSI | 3 | IKON CAHAYA Mus'ab Bin Umair: Pemuda Dikasihi Nabi | 18 |
| LAMAN PENGARANG | 4 | ANEKDOT Kau Memang Kacak, Kau Memang Cantik | 20 |
| BICARA CAHAYA Ketokohan Umar Abdul Aziz: Panduan Buat Pemuda | 6 | KENALI TOKOH Tokoh Al-Quran: Hafs 'An Asim Al-Kufi | 22 |
| CAHAYA KEHIDUPAN Kiamat Semakin Hampir; Bersediakah Kita? | 8 | RENUNGAN Remaja Dan Tanggungjawab | 24 |
| RENCANA Remaja Berkualiti Negara Sejahtera | 10 | POSTER Tentang Akhlak | 28 |
| MOTIVATION Teen Depression, Empathic Parenting And Islam | 13 | | |

Sidang Redaksi



PENAUNG:

Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



PENASIHAT:

Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



KETUA PENGARANG:

Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)



PENGARANG:

Mohd Meeftah Bin Anuar
(Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan JAKIM)



PENOLONG PENGARANG:

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



PENYUNTING:

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



PENGURUS EDARAN:

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



PEMBANTU EDARAN:

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

REKABENTUK:

Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd.

Biar Al-Quran Berbicara



*Anotasi
Pengarang*

Ustaz Haji Mohd Meefah bin Haji Anuar



Ada tikanya kita seolah olah buntu dan bingung mencari solusi kepada penyelesaian masalah moral dan akhlak yang melanda masyarakat masa kini. Sedangkan dengan bertadabbur dan mengaplikasikan ajaran Al-Quran, pastinya kita dapat mengatasi dengan tuntas pelbagai persoalan besar yang sedang mengharungi umat akhir zaman.

Dengan merenung dan mendalami makna ayat-ayat Al-Quran, maka kita pasti akan temukan ajaran berkaitan akhlak, kasih dan cinta yang begitu mendalam dan meluas.

Berikut adalah sekelumit diantara ayat-ayat tentang moral dan akhlak dalam Al-Quran yang sempat saya coretkan untuk kalam iftitah kali ini.

1) Sabar

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا

“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu.”

(Ali Imran:200)

2) Amanah

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

“Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya.”

(An-Nisa’: 58)

3) Memberi Maaf

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Maka maafkanlah mereka dan biarkan mereka. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

(Al-Ma’idah: 13)

4) Kejujuran

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar.”

(Al-Ahzab: 70)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّٰدِقِينَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan bersamalah kamu dengan orang-orang yang benar.”

(At-Taubah: 119)

5) Istiqamah

فَاسْتَقِمْ كَمَا أَمَرْتُ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ

“Maka tetaplah Engkau (Muhammad) (di jalan yang benar), sebagaimana telah diperintahkan kepadamu dan (juga) orang yang bertaubat bersamamu.”

(Hud: 112)

6) Syukur

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

“Maka ingatlah kepada-Ku, Aku pun akan Ingat kepadamu. Bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu ingkar kepada-Ku.”

(Al-Baqarah: 152)

7) Lemah Lembut

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

“Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia sedar atau takut.”

(Taha: 44)

8) Tawaduk

وَإخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

“Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang beriman yang mengikutimu.”

(Asy-Syuara’: 215)

9) Menyebar Kebaikan

وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ

“Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu.”

(Al-Qashas: 77)

10) Berbakti kepada kedua ibu bapa

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

“Dan Tuhan-mu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada kedua ibu bapa.”

(Al-Isra’: 23)

Ayuh saudara dan saudari, luangkanlah sedikit waktu kita untuk merenungi ayat-ayat suci Al-Quran. Kerana setiap ayatnya memberi petunjuk dan solusi terhadap pelbagai masalah kehidupan. Sungguh, ia adalah mukjizat yang dikekalkan Tuhan untuk kita!



Ketokohan Umar Abdul Aziz: Panduan Buat Pemuda



Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi
Pensyarah Kanan Ekonomi Politik Islam,
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Khalifah Umar Abdul Aziz terkenal sebagai pemerintah yang melaksanakan sistem pemerintahan berasaskan Islam. Pelaksanaannya dilihat berjaya berbanding dengan pemerintahan sebelum dan selepas Baginda. Hal ini melibatkan pelaksanaan pendekatan ekonomi dan politik berdasarkan *uswah hasanah* Khalifah Umar Abdul Aziz itu sendiri. Baginda menetapkan bahawa pemerintahan yang dilaksanakan adalah berdasarkan al-Quran dan sunnah. Sifat dan akhlak Baginda sebagai seorang Islam membentuk garis panduan dalam pemilihan pekerja dan pelaksanaan segala urusan atau perkara yang lain sehingga boleh disebut sebagai pemerintahan suri teladan yang baik (*Uswah Hasanah*).

Semasa memegang jawatan sebagai khalifah, Baginda telah menetapkan dua syarat dalam jawatan yang disandangnya itu. Pertama, Baginda bekerja berdasarkan kebenaran dan menerapkan aspek keadilan dalam pemerintahannya, Baginda juga tidak akan menzalimi dan menganiayai sesiapa pun dalam menguruskan *Bayt al-Mal*; dan kedua, Baginda membahagikan harta negara kepada rakyat di Madinah. Syarat-syarat ini diterima oleh Khalifah al-Walid. Khalifah Umar Abdul

Aziz pun menjalankan tugasnya dengan baik. Penduduk Madinah menyambutnya dengan penuh kegembiraan. Peristiwa ini membuktikan bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz menggunakan kuasa politiknya untuk menguruskan hal-hal ekonomi dan kebajikan rakyatnya agar rakyatnya dapat hidup aman dan makmur.

Selain itu, selepas Khalifah Umar Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah, Baginda telah menaiki mimbar dan menyampaikan pidato. Baginda menyatakan:

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah diuji dengan pelantikan ini, pelantikan ini berlaku tanpa minta pendapat dan tidak ada *musyawarah* dengan kaum Muslimin. Aku telah membatalkan bai’at untukku, sekarang pilihlah seseorang untuk memimpin kalian.”

Lalu orang ramai menjawab serentak:

“Wahai *Amir al-Mu’minin*, kami telah memilihmu, kami menerimamu, silakan pimpin kami dengan kebaikan dan keberkatan.”

Melalui dialog ini membuktikan bahawa Baginda berasa berat dengan tanggungjawab yang telah

diserahkan kepadanya dan menganggapnya sebagai ujian daripada Allah SWT. Khalifah Umar Abdul Aziz juga telah mencadangkan agar rakyatnya memilih orang lain sebagai pemimpin mereka. Namun, orang ramai telah bersepakat memilih Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai pemimpin mereka dan berharap mereka dipimpin ke arah kebaikan dan dapat mencapai keberkatan dalam pimpinan tersebut. Baginda telah mengirim surat ke seluruh negeri dan seluruh rakyat supaya membai'at Baginda. Kaedah ini menyebabkan Baginda mendapat persetujuan daripada setiap lapisan masyarakat agar menyokong dan memberikan sepenuh kepercayaan kepada Baginda. Hal ini juga secara tidak langsung dapat menjamin kedudukan Baginda sebagai pemerintah pada ketika itu.

Semasa era pemerintahannya, Baginda memilih pekerja berasaskan kelayakan dan kepakaran seseorang dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan bukanlah berdasarkan kroni atau hubungan kekeluargaan. Tindakan Baginda ini memberi kesan kepada ekonomi dalam sesebuah negara. Keadaan ini menyebabkan tidak timbulnya diskriminasi terhadap pekerja dan sumber kekayaan tidak tertumpu kepada keluarga tertentu dan orang tertentu sahaja. Kekayaan kemudiannya dimiliki oleh orang-orang yang layak dalam bidang yang diceburi dan tersebar kepada rakyat sehingga berkurangnya rakyat yang menganggur dan menderita kemiskinan. Pengurangan bilangan penganggur dan kemiskinan mampu mengukuhkan ekonomi sesebuah negara.

Khalifah Umar Abdul Aziz juga mengembalikan majlis syura yang dihapuskan oleh datuknya Muawiyah. Majlis syura ini ialah majlis mesyuarat negara yang berfungsi untuk membantu ketua agama Islam mentadbir negara dengan berasaskan hukum-hukum Allah SWT. Setiap keputusan dibuat dengan cara melakukan perbincangan dengan para ulama dan ahli feqah untuk mencapai keputusan dalam bidang-bidang tertentu. Baginda mengambil sebarang tindakan dan keputusan dengan cara mendapatkan persetujuan para ulama dan ahli feqah terlebih dahulu, jika kata sepakat diperolehi maka keputusan tersebut bolehlah dilaksanakan.

Keputusan-keputusan ini merangkumi hal berkaitan politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Keputusan yang diambil adalah mengambil kira kepentingan dan kebajikan rakyat dalam sesebuah

negara. Apabila sistem ekonomi diuruskan dengan berdasarkan perbincangan bersama para ulama, ahli feqah dan pakar-pakar, maka masalah berkaitan hal ehwal ekonomi seperti kenaikan harga barangan, cukai yang tinggi dan sebagainya dapat dikurangkan pada masa akan datang. Keselamatan negara juga dikekalkan kerana tidak ada tekanan terhadap rakyat yang tidak mampu dan pemberontakan dalam negara juga tidak berlaku. Sekiranya pemberontakan berlaku maka imej negara pun menjadi buruk.

Selain itu, Baginda juga menyatakan bahawa jika pegawai dan pekerja Baginda berbuat zalim dalam pentadbiran maka haruslah orang tersebut mempunyai perasaan takut kepada Allah SWT dengan melaporkan hal tersebut kepada Baginda. Sebarang kesalahan yang dilakukan akan disiasat oleh Khalifah Umar Abdul Aziz terlebih dahulu. Sekiranya didapati bersalah maka Baginda menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa setiap tindakan Baginda dihubungkan dengan Allah SWT dan tindakan ini mencerminkan bahawa Baginda seorang yang taat kepada hukum Allah SWT.

Melalui dasar ini juga, Khalifah Umar Abdul Aziz telah keluar daripada dasar mewariskan kekuasaan yang diikuti oleh kebanyakan khalifah dari Bani Umayyah kepada dasar syura dan pemilihan pemimpin berdasarkan *bai'at* orang-orang yang setuju dengan pelantikan tersebut. Hal ini menyebabkan rakyat dan orang bawahannya patuh kepada setiap arahan Baginda dan memudahkannya dalam mentadbir sesebuah negara. Kesannya kepada ekonomi ialah tiada lagi penyelewengan harta sumber kekayaan daripada orang-orang tertentu kerana mereka takut kepada hukum Allah SWT. Semua pekerja melakukan pekerjaan dengan perasaan ikhlas, jujur, amanah dan taat pada hukum Allah SWT dalam menguruskan ekonomi.

Berasaskan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa pemerintahan Baginda selama dua tahun setengah sehingga boleh disebut *uswatun hasanah* kerana Baginda telah menerapkan tiga elemen *uswah hasanah* dalam pemerintahannya iaitu amanah, keadilan, dan menghidupkan dasar *amar makruf nahi mungkar*.

Kiamat Semakin Hampir; Bersediakah Kita?



Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan
Bahagian Kurikulum dan Pengajaran
Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pada tulisan kali ini saya ingin mengajak semua remaja-remaja di luar sana untuk menghayati keimanan terhadap dekatnya hari akhirat.

Pertama: Seorang remaja mukmin tidak perlu mencari-mencari bila akan berlakunya hari kiamat dan menjangkakan pada tahun sekian ataupun sekian. Ini kerana terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Baginda SAW tentang dekatnya hari kiamat apabila Baginda diutuskan.

عن سهل قال رسول الله صلى الله عليه وسلم بعثت أنا والساعة هكذا ويشير بإصبعيه فيمدهما

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Ertinya:

Rasulullah SAW bersabda: Diutuskan aku dan hari kiamat itu begini, baginda menunjukkan dengan dua jarinya (telunjuk dan tengah) dengan memanjangkan keduanya. Dengan itu, secara akidahnya cukup bagi seseorang beriman untuk mengetahui dekatnya hari kiamat.

Namun soalan tentang dekatnya hari kiamat ini pernah ditanya kepada Baginda SAW secara khusus. Diriwayatkan dalam Sahih AlBukhari:

عن أنس أن رجلا من أهل البادية أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله متى الساعة قائمة؟ قال: ويلك، وما أعددت لها.

Ertinya:

Daripada Anas bin Malik RA berkata seorang daripada orang Badawi datang bertemu Nabi SAW, dia bertanya kepada Rasulullah SAW: “wahai Rasulullah, bilakah berlakunya hari kiamat?” Baginda Menjawab: “Hati-hati dengan soalan mu itu, apa yang kamu sediakan untuk menghadapinya (hari kiamat).

Difahami daripada Hadis ini, yang perlu difahami oleh para remaja ialah bukannya bila, tetapi apakah yang kita sediakan, walaupun dah lebih 1000 tahun lebih hari berlalu daripada Rasulullah SAW menyatakan dekatnya hari kiamat. Manusia diminta percaya dengan mempersiapkan diri untuk menghadapinya.

Kedua: Baginda SAW bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فِسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَغْرِسْهَا).

Ertinya:

Daripada Anas bin Malik RA berkata: Bersabda Rasulullah SAW: Jika di ambang kiamat dan ditangan kalian benih pohon, jika dia mampu untuk menanamnya sebelum berlakunya kiamat, maka hendaklah dia menanamnya.

Ini menunjukkan perlunya amalan diteruskan walau telah hampir berlakunya hari kiamat. Bukannya kita perlu takut atau berpeluk tubuh menanti kedatangan hari kiamat. Hanya satu cara sahaja yang dapat menyelamatkan kita sekiranya tiba hari kiamat, iaitu amalan kita.

Walaupun umur kita masih remaja dan secara adatnya masih banyak masa untuk bertaubat, namun sesiapa pun tidak mampu menjamin mati tidak datang menjengah bila-bila masa tidak kira muda, tua, miskin dan kaya.

Ketiga: Sepertimana kita semua percaya dengan yakin bahawa hari kiamat merupakan hari yang pasti datang. Janji Allah SWT hari tersebut tidak datang kecuali dalam keadaan tidak boleh dijangka bila, bagaimana ia bermula dan apakah nasib seseorang manusia ketika itu.

Allah SWT berfirman:

لا تأتيكم إلا بغتة

Ertinya: (Hari kiamat) ianya tidak datang kecuali dalam keadaan yang manusia tidak menjangkakannya.

(A'raf: 187)

Hari kiamat akan disusuli dengan tiupan sangkakala yang pertama maka semua makhluk yang dikehendaki mati akan mati. Seterusnya tiupan kedua, maka semua yang mati akan bangkit semula.

Allah SWT berfirman:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ
قِيَامٌ يَنْظُرُونَ

(Az-Zumar: 68)

Maka ditiupkan sangkakala yang pertama, lalu akan mati semua yang dilangit dan dibumi. Selepas itu ditiupkan yang kedua, maka mereka bangun melihat apa yang telah terjadi.

Saat berlakunya hari kiamat merupakan detik-detik yang menakutkan kepada manusia. Itulah pengakhiran kepada segala nilai-nilai yang manusia kejar di dunia daripada pangkat, harta, kedudukan dan lain-lain.

Oleh itu, mengejar sesuatu yang akan hancur tiada guna ibaratkan seperti seorang bayi yang bermain-main tidak dapat membezakan mana yang baik dan buruk.

Oleh itu, saya ingin mengajak semua remaja agar sentiasa mempersiapkan diri dengan amal soleh dan menjauhi segala perbuatan yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT. Sekiranya kita diberi umur yang panjang, maka banyak amalan yang dikumpulkan kerana telah melakukan amal kebaikan waktu muda. Sekiranya ajal kita telah dekat walau usia remaja, maka kita telah bertemu Allah dengan jiwa yang bersih dan suci.

Wallahuallam.



Remaja Berkualiti Negara Sejahtera



Dr Halim bin Ismail
Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

“Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini.”

Kata-kata Saidina Ali RA ini jelas membuktikan kepada kita tentang betapa pentingnya golongan remaja untuk mewujudkan sebuah negara yang maju dan sejahtera. Walaubagaimanapun, kita berasa sedih dan kecewa apabila melihat segelintir generasi muda di negara ini yang masih dibelenggu dengan gejala sosial yang menggelapkan masa hadapan diri mereka sendiri serta negara.

Remaja berkualiti berperanan untuk menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin negara pada masa hadapan dengan sebaik mungkin. Sebaliknya remaja yang hanyut dengan arus kehidupan yang melalaikan bukan sahaja akan gagal menerajui negara dengan baik, malahan akan membebankan masyarakat di kemudian hari.

Remaja Berpengetahuan

Ciri paling utama bagi remaja yang berkualiti ialah memiliki ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan mampu meningkatkan dan memperkembangkan potensi manusia. Sejarah tamadun Islam telah membuktikan bahawa ilmu telah mengeluarkan

umat daripada kejahilan kepada cahaya kebenaran. Ilmu juga mendorong kepada pembentukan sebuah negara yang bertamadun tinggi dan dihormati dunia.

Remaja perlu berusaha sedaya upaya untuk memperoleh, memperkembang dan meningkatkan ilmu pengetahuan pada setiap masa. Ilmu pengetahuan akan dapat membimbing remaja ke arah kebaikan, sentiasa berdaya saing dan menjamin kehidupan yang lebih baik. Hal ini membolehkan mereka dapat mengubah nasib diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Selain itu, ilmu pengetahuan akan mendorong remaja supaya dapat berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif dalam menghadapi gelombang globalisasi. Ini membolehkan mereka mengembangkan idea dengan mengkaji, menganalisis dan menilai situasi semasa supaya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi di samping dapat merebut peluang yang ada.

Remaja juga perlu menguasai pelbagai bidang seperti bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyumbang kepada sebuah negara yang maju dan sejahtera.

Hal ini bertepatan dengan Revolusi Industri 4.0 yang menekankan kepada aspek teknologi digital dalam penyediaan pelantar digital bagi kegunaan orang ramai dalam pelbagai bidang secara automatik, tanpa had masa dan tempat.

Kerohanian yang mantap

Selain memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi, remaja juga mestilah memiliki sahsiah dan akhlak yang terpuji. Antara tujuan pendidikan Islam adalah untuk membangunkan unsur kerohanian insan berdasarkan tujuan mereka diciptakan oleh Allah SWT. Menurut Islam, seseorang itu perlu dididik secara holistik berdasarkan ajaran Islam yang merangkumi segala aspek kehidupan dan dapat memenuhi seluruh keperluan manusia.

Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Maidah ayat tiga yang bermaksud,

“Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redai Islam itu menjadi Agama bagimu.”

Tidak dinafikan bahawa kebanyakan remaja telah mempelajari tentang asas ilmu agama semenjak mereka di bangku sekolah lagi. Walaubagaimanapun, kesibukan dengan tugas seharian sedikit sebanyak telah melalaikan mereka daripada menurut panduan agama dalam kehidupan.

Dalam membangunkan remaja muslim yang berkualiti, aspek pembangunan insan ini tidak boleh dipandang ringan. Isu gejala sosial masa kini seperti penglibatan remaja dalam jenayah penyalahgunaan dadah, LGBT, minum arak, ketagihan pornografi dan sebagainya menuntut kepada pembangunan kerohanian di dalam diri mereka.

Pemupukan aspek kerohanian ini memerlukan sokongan dan dorongan daripada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika hal ini diberi perhatian, isu gejala sosial dalam kalangan remaja akan dapat dikurangkan. Oleh itu, remaja yang berkualiti, berintegriti, amanah dan berakhlak mulia akan dapat diwujudkan.

Emosi yang stabil

Seterusnya, remaja yang berkualiti perlu memiliki emosi yang stabil. Ini membolehkan mereka membuat keputusan secara rasional. Emosi tidak stabil dalam kalangan remaja menyebabkan mereka akan membuat keputusan secara terburu-buru, yang akhirnya akan merugikan diri mereka sendiri.

Di Malaysia, fenomena cetusan emosi yang tidak terkawal alam kalangan remaja sekolah menunjukkan peningkatan dan membimbangkan semua pihak. Laporan daripada akhbar-akhbar pula sering menunjukkan bahawa cetusan emosi dalam kalangan remaja sekolah lebih cenderung ke arah negatif berbanding positif.

Tindakan emosional dan agresif dalam kalangan remaja seperti membuli, biadap terhadap guru dan ibu bapa, jenayah juvana, membunuh diri, kemurungan melampau dan sebagainya perlu diberi perhatian serius. Kejadian yang berlaku hari ini tidak boleh dianggap kes terpencil, tetapi perlu ditangani segera. Kejadian ini juga menunjukkan bahawa remaja masa kini semakin tidak dapat mengawal emosi mereka.

Antara faktor yang dikenalpasti mempengaruhi emosi remaja masa kini ialah faktor persekitaran seperti media sosial, faktor keluarga, faktor pendidikan dan faktor ekonomi. Oleh itu, sangat penting untuk diketahui faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah emosi dalam kalangan remaja ini agar langkah-langkah intervensi awal dapat dilakukan.

Jasmani yang sihat

Islam sangat menitikberatkan umatnya supaya menjaga kesihatan tubuh badan. Rasulullah SAW bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

“Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah berbanding mukmin yang lemah.”

Kekuatan yang dimaksudkan di dalam hadis ini merangkumi segala aspek kehidupan termasuk kekuatan tubuh badan.

Pada hari ini, masalah obesiti dalam kalangan

remaja didapati semakin serius. Menurut akhbar Harian Metro bertarikh 12 November 2022, berdasarkan Tinjauan Nutrisi Remaja (ANS) yang dijalankan pihak Kementerian Kesihatan tahun 2021 menunjukkan bahawa kes berat badan berlebihan dalam kalangan remaja adalah sebanyak 15.6 peratus, manakala kes obesiti pula meningkat kepada 14.8 peratus.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah obesiti membabitkan pelajar adalah kelemahan ibu bapa mendidik dengan pengetahuan makanan yang baik, gaya hidup sendiri dan sikap pengusaha kantin serta penjaja membekalkan makanan tidak seimbang.

Justeru, sebagai pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan, masalah ini perlu diberi perhatian serius. Langkah-langkah mengatasi masalah ini perlu diperkenalkan supaya isu kesihatan dalam kalangan remaja dapat diatasi sekaligus dapat melahirkan remaja yang berkualiti.

Penutup

Persekitaran global hari ini yang semakin mencabar menuntut supaya golongan remaja dipersiapkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Jika golongan ini dibiarkan hanyut dengan arus semasa yang melalaikan, masa depan negara dikhuatiri akan terjejas. Golongan ini tidak akan memikirkan kepentingan negara akibat terpengaruh dengan ledakan media sosial semasa dan unsur-unsur negatif yang lain. Kesannya, segala perancangan yang diatur untuk mewujudkan sebuah negara yang sejahtera akan turut menemui kegagalan.

Sebagai kesimpulan, kepimpinan negara pada masa hadapan memerlukan generasi remaja yang berkualiti. Remaja yang berkualiti mestilah memiliki ciri-ciri sebagaimana digariskan oleh Islam yang turut diterjemahkan menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha yang berterusan tanpa jemu dalam mendidik golongan remaja ini diharapkan akan membuahkan hasil supaya hasrat membentuk negara yang maju dan sejahtera dapat direalisasikan.



TEEN DEPRESSION, EMPATHIC PARENTING, AND ISLAM



Prof. Madya Tunku Badariah Tunku Ahmad
Kulliyah of Education
International Islamic University Malaysia



On my first day of class, at the start of the new academic semester in October 2022, I asked my young undergraduate students, aged between 19 and 21, whether they had ever experienced depression. I asked that question in a tongue-in-cheek manner, not expecting my students to say yes. But their answers shocked the very core of my being—I did not expect to get those kinds of answers.

It was an astounding yes! Yes, they said. Sometimes, they would feel depressed. Some even said that at times, they felt empty and without a direction.

I was taken aback— *“Why on earth would you feel depressed? At this young age? You practically have nothing to worry about!”* Those were my reactions.

“Many reasons, Madam,” one of them explained. *“Family, studies, money....”* And the list goes on. My heart just went out to those students that very first day.

And that day too, I went home and hugged my two kids. I wonder, were they ever depressed and unhappy in our house?

Sometimes, we adults forget what it feels like to be a teenager—to be a young person trying to find his or her way in the tough world of adulthood. We act like we never went through this stage in our lives before! When the truth is—we all went through the ups and downs and the trials and tribulations of adolescence.

Teenagers *do* experience depression, and I cannot emphasize this enough. They actually DO!

According to the World Health Organization (WHO, 2021), one in every seven teens between the ages of 10 and 19 experiences some form of a mental disorder that leads to an illness or disability among this group of young individuals.

Sadly and quite shockingly, teen depression is one of the leading causes of illness and disability among adolescents, while suicide is the fourth leading cause of death among 15- to 29-year-olds.

The factors driving adolescents into this terrible state of emotional and psychological mess are varied. Some teenagers go through abuse (i.e., physical, emotional, and psychological) and

come out scarred for life. Some struggle with their families' financial troubles and must bear the brunt of it all. Many struggle to find their inner voice and identity. Some develop depression from failed social and love relationships and become suicidal. Some are simply abandoned—left alone to fend for themselves, while many are just lonely, longing for somebody to talk to.

The question is, how can we, as parents and adults, deal with the situation and help kids battle depression?

Adolescence is a crucial formative period for kids, and exposures to life adversities may either make or break them, especially if they do not have a strong support system. It is very critical for parents and the adults around kids to be supportive and empathic towards their achievements—and failures as well. If they fail, we need to be able to accept the failure—we need to hug them and tell them that it is completely okay to screw up sometimes.

The Prophet Muhammad (SAW) encouraged Muslims to be kind and loving to their children and to raise kids in kindness and mercy. The Prophet (SAW) himself used to hug, kiss, touch and pat his own children and grandsons, Hassan (RA) and Hussin (RA). In this regard, Jameelah Ho (<https://ayeina.com/sunnahs-of-expressing-love/>) writes,

Allah's Messenger ﷺ showed his affection for [his children and grandchildren] in many ways. He hugged them and patted them on the back. He touched their heads, combed their hair with his fingers and kissed them. It was narrated in a hadith by Bukhari that:

“...Allah's Messenger (ﷺ) took Ibrahim (his son) and kissed him and smelled him...” [Bukhari]

In another incident,


A'isha (Allah be pleased with her) reported that there came a few desert Arabs to Allah's Messenger (ﷺ) and said: Do you kiss your children?

He (ﷺ) said: Yes. Thereupon they said: By Allah but we do not kiss our children. Thereupon Allah's

Messenger (ﷺ) said: Then what can I do if Allah has deprived you of mercy? ... [Muslim]

Therefore, it is *not* unIslamic to show our children our love, empathy, and support towards them—towards their achievements *and* failures. Not having this loving support and kind words of empathy and assurance, in fact, can lead children and adolescents into a dark world of unhappiness. It may develop in them constant feelings of sadness, fear and anxiety that can easily metamorphose into an ugly depression.

Parents and adults need to treat children and adolescents as human beings in their own right, and not impose on them too lofty expectations that are beyond their reach and fake goals that do not have real values or importance in this life. Apart from this, we also need to teach children and teenagers the realities of this life—that it is fleeting and full of tests—and that what Allah (SWT) promises in the hereafter is much more than what this world can ever offer. Perhaps, this is one of the better ways to fight and heal teen depression.



REFERENCES

World Health Organization (2021). *Adolescent mental health*. Retrieved from <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/adolescent-mental-health>.

Ho, Jameelah. (2022). *Sunnahs of expressing love to your child: children's rights in Islam*. Retrieved from [Sunnahs of Expressing Love to Your Child | AYEINA](https://ayeina.com/sunnahs-of-expressing-love-to-your-child/)

Hukum Mengadakan Majlis Pertunangan Secara Besar-Besaran

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Soalan

Apa hukum mengadakan majlis pertunangan secara besar-besaran?

Jawapan

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Takrif Pertunangan

Bertunang bermaksud mengikat janji untuk menjadi suami isteri (berkahwin). Meminang pula bermaksud meminta anak gadis supaya menjadi isteri, melamar, meminang. Contohnya seseorang berkata: “Orang muda yang kaya itu datang meminang engkau.” [1]

Dapat difahami bahawa pertunangan ialah sebagai satu tanda persetujuan oleh kedua-dua pihak dalam rangka membina rumah tangga menjadi suami isteri.

Pertunangan Menurut Islam

Pertunangan dalam Islam bertujuan bagi mengenal akhlak dan sifat pasangan sebelum diadakan akad nikah. Ia dapat membantu dalam menguatkan hubungan cinta serta mempersiapkan diri masing-masing sebelum berkahwin. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda kepada sahabat yang ingin bertunang:

انْظُرْ إِلَيَّ فَإِنَّهُ أُخْرَى أَنْ يُؤَدَمَ بَيْنَكُمَا

Maksudnya: “Lihatlah perempuan itu dahulu kerana ia akan lebih mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua.”

(Riwayat al-Tirmizi (1087))

Begitu juga hadis dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Sahal bin Sa’d RA, katanya:

أَنَّ امْرَأَةً جَاءَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ: جِئْتُ لِأَهَبَ لَكَ نَفْسِي
فَنَظَرَ إِلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَعَّدَ النَّظَرَ إِلَيْهَا وَصَوَّبَهُ ثُمَّ طَأَطَأَ رَأْسَهُ

Maksudnya: “Seorang menemui Rasulullah SAW, lalu berkata: Wahai Rasulullah, aku datang menyerahkan diriku kepadamu! Lalu Rasulullah SAW memerhatikan perempuan itu ke atas dan ke bawah dan kemudian Baginda menundukkan kepalanya.”

(Riwayat al-Bukhari (4833))

Aku menyerahkan diriku kepadamu bermaksud menyerahkan dirinya kepada Rasulullah SAW agar mengahwininya tanpa mas kahwin atau mengahwinkannya dengan orang yang sesuai. Hadis yang seterusnya, daripada Abu Hurairah RA, katanya:

كُنْتُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَاهُ رَجُلٌ فَأَخْبَرَهُ أَنَّهُ تَرَوَّجَ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ - فَقَالَ لَهُ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (أَنْظُرْتِ إِلَيْهَا) قَالَ: لَا. قَالَ: (فَاذْهَبِي فَانْظُرِي إِلَيْهَا فَإِنَّ فِي أَعْيُنِ الْأَنْصَارِ شَيْئًا)

Maksudnya: “Ketika aku bersama-sama Nabi SAW, seorang lelaki telah menemui Baginda, lalu memberitahu bahawa dia akan mengahwini seorang perempuan Ansar. Maka, Rasulullah SAW bersabda: Adakah engkau melihatnya? Lelaki itu menjawab: Tidak. Baginda bersabda: “Pergilah lihat perempuan itu kerana pada mata Ansar terdapat suatu kelainan daripada mata perempuan lain, yang mungkin tidak menarik hatimu.”

(Riwayat Muslim (3550))

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Humayd al-Sa’idi RA, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَنْظُرَ إِلَيْهَا إِذَا كَانَ إِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَيْهَا لِخِطْبَتِهِ وَإِنْ كَانَتْ لَا تَعْلَمُ

Maksudnya: “Apabila seseorang daripada kamu ingin meminang seorang perempuan, tidaklah salah melihatnya dahulu, jika tujuan melihat itu untuk meminang walaupun tidak diketahui oleh perempuan.”

(Riwayat Ahmad (23602))

Seorang perempuan juga berhak melihat lelaki yang ingin dikahwininya bagi memastikan keadaan lelaki tersebut supaya tidak menyesal selepas perkahwinan. Hal ini adalah kerana perempuan juga tertarik hati dengan lelaki, sepertimana lelaki tertarik hati dengan perempuan.

(Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 2/529)

Hukum Adakan Majlis Pertunangan Secara Besar-besaran

Menjawab persoalan, tidak digalakkan untuk mengadakan majlis bertunang secara besar-besaran. Namun, jika mampu dibolehkan. Jika tidak mampu, maka tidak perlu. Walaupun begitu, kami lebih cenderung supaya tidak dilakukan secara berlebih-lebihan sehingga membawa kepada pembaziran.

Apa yang penting dan lebih utama adalah barakah dan doa dalam apa jua perkara. Itulah yang lebih utama untuk dicapai. Jika hanya sekadar jamuan dan makan makanan dan serta niat menunjuk-nunjuk, maka itu tidak memberi banyak manfaat. Begitu juga, kami cadangkan agar pertunangan yang dilangsungkan sebaik-baiknya dipendekkan tempoh masanya hanya beberapa minggu atau sebulan dua sahaja. Ini kerana, matlamat asal adalah perkahwinan dan mengelak sebarang bentuk dan pintu yang membawa kepada maksiat.

Semoga Allah jauhkan kita daripada perkara tersebut.



MUS'AB IBN UMAIR: PEMUDA DIKASIHI NABI



*Nur Madidah binti Rakes Junaidi
Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

Siapakah Mus'ab ibn Umair?

Dikenali sebagai Mus'ab al-Khair yang bermaksud Mus'ab yang baik. Merupakan seorang pemuda yang berasal daripada golongan bangsawan Makkah. Nama ibunya ialah Khunnas binti Malik. Selain daripada kemewahan yang dimilikinya, Mus'ab juga merupakan seorang pemuda yang sangat kacak. Beliau juga terkenal sebagai orang yang berperwatakan lemah lembut dan suka berpakaian kemas, mahal serta indah. Maka, Mus'ab sering menjadi kegilaan gadis di Makkah. Mus'ab juga adalah anak yang paling disayangi oleh ibunya berbanding adik-beradiknya yang lain. Apa sahaja permintaannya sering dipenuhi dan tidak pernah ditolak oleh ibunya.

Kisah Keislaman Mus'ab ibn Umair

Kisah keislaman Mus'ab ibn Umair bermula apabila beliau mendapat khabar bahawa terdapat seorang nabi yang mengajak kepada kebenaran. Nabi yang merupakan seorang pemuda Quraisy berketurunan Bani Hashim iaitu Muhammad al-Amin, seorang yang mulia dengan sifat amanah dan jujur. Mus'ab mengetahui bahawa Muhammad dan pengikut-pengikutnya sering berkumpul dan berjumpa di rumah Arqam bin Abi al-Arqam. Oleh kerana sifat ingin tahu yang tinggi, Mus'ab telah pergi ke

rumah tersebut dan mendengar Nabi Muhammad menyampaikan dakwah dan ajaran Islam. Nabi Muhammad juga mengajarkan al-Quran kepada mereka. Mus'ab merasakan alunan ayat-ayat al-Quran yang dibacakan itu begitu indah sehingga terkesima dengannya. Lalu, Mus'ab memilih untuk memeluk Islam.

Namun begitu, berita tentang keislaman Mus'ab telah mendapat tentangan hebat oleh ibunya sendiri, Khunnas binti Malik. Ibunya merupakan seorang yang tegas dan sangat berpengaruh dalam kehidupan Mus'ab. Ini menyebabkan Mus'ab sangat risau akan penerimaan ibunya. Berita keislaman Mus'ab diketahui oleh ibunya melalui Uthman bin Talhah yang telah melihat kelibat Mus'ab memasuki rumah Arqam bin Abi al-Arqam dan pada waktu yang lainnya, Uthman bin Talhah melihat Mus'ab melakukan solat seperti solat Nabi Muhammad dan pengikutnya. Sejurus mengetahui berita tersebut, ibunya menanti kepulangan Mus'ab di rumah lalu mempersoal Mus'ab mengenai perihal itu. Kemudian, Mus'ab membacakan ayat-ayat al-Quran yang telah dipelajarinya bagi tujuan menarik minat ibunya terhadap Islam. Akan tetapi, ibunya tidak tertarik kepada Islam. Bahkan, dia menjadi sangat marah dan kecewa terhadap Mus'ab. Dia ingin menampar Mus'ab tetapi dia cuba menahan dirinya daripada melakukan hal tersebut.

Ibu dan bapanya telah mengurung dan menyiksa Mus'ab selama beberapa hari sebagai pengajaran dengan harapan Mus'ab akan meninggalkan Islam. Walau bagaimanapun, keyakinan dan kesetiaan Mus'ab terhadap Islam tidak terjejas sedikit pun. Usaha, pujukan dan ancaman ibunya tidak berkesan. Mereka sudah habis ikhtiar untuk membuat anaknya meninggalkan Islam lalu membebaskannya buat sementara waktu. Tindakan daripada ibunya sedikit pun tidak menimbulkan rasa takut dalam diri Mus'ab, sebaliknya beliau terus-menerus memujuk ibunya untuk memeluk Islam kerana sifat kasih kepada ibunya.

Pada suatu hari, Mus'ab melihat ibunya dalam keadaan pucat lesu lalu dia bertanya kepada ibunya. Ibunya menjawab "Ibu telah berniat di hadapan berhala bahawa tidak akan makan dan minum sehingga kamu meninggalkan Islam." Kemudian Mus'ab menjawab kepada ibunya "Andai kata ibu mempunyai seratus nyawa sekalipun, lalu nyawa ibu keluar satu demi satu, nescaya saya tetap tidak akan meninggalkan Islam sama sekali." Setelah mendengar jawapan Mus'ab, ibunya terus menghalaunya keluar dari rumah. Maka, tinggallah Mus'ab bersama-sama Rasulullah dan para sahabat yang sangat daif ketika itu. Mus'ab meneruskan kehidupannya dengan menjual kayu api dan berita ini telah sampai kepada ibunya. Ibunya merasa sangat marah dan meminta adik-beradik Mus'ab untuk memujuknya agar meninggalkan Islam namun gagal.

Rasulullah telah mengarahkan sebahagian sahabat untuk berhijrah ke Habsyah. Rombongan tersebut turut disertai oleh Mus'ab. Sekembalinya mereka dari Habsyah, keadaan Mus'ab semakin berbeza dan berubah. Kurus kering dan berpakaian compang-camping. Rasulullah berkata, "Segala puji bagi Allah yang telah menukar dunia serta penduduknya. Sesungguhnya dahulu aku melihat Mus'ab seorang pemuda yang hidup mewah di tengah-tengah ayah ibunya yang kaya raya. Kemudian dia meninggalkan itu semua kerana cinta kepada Allah dan Rasul-Nya."

Wafatnya Mus'ab ibn Umair

Sewaktu berlakunya peperangan Uhud, Mus'ab telah ditugaskan sebagai pemegang panji-panji Islam. Pada peringkat kedua peperangan, pihak tentera Muslimin telah mengalami kekalahan, Namun, Mus'ab ibn Umair tetap kekal di tempatnya dan tidak berganjak sambil menyeru, "Muhammad adalah Rasul dan sebelumnya telah diutuskan banyak rasul." Kemudian, datang seorang tentera berkuda Quraisy, Ibn Qami'ah menyerbu ke arah Mus'ab dan melibas tangan kanannya yang memegang panji-panji Islam. Mus'ab menyambut panji-panji itu dan memegang dengan tangan kirinya sambil mengulang laungan tersebut. Laungan itu telah membuat Ibn Qami'ah bertambah marah dan menetak tangan kirinya pula. Mus'ab terus menyambut panji tersebut dan memeluknya dengan kedua-dua lengannya yang kudung itu. Akhirnya, Ibn Qami'ah menikamnya dengan tombak. Maka, gugurlah Mus'ab sebagai syuhada' Uhud.

Saat hendak dikafankan, kain untuk menutup mayat Mus'ab tidak mencukupi. Hal ini membuatkan Rasulullah tidak dapat menahan kesedihan hingga bercucuran air mata baginda. Akhirnya, kain itu digunakan untuk menutup bahagian kepalanya dan kakinya ditutup dengan daun-daun kayu yang ada di sekeliling mereka.

Kesimpulan

Kisah Mus'ab ibn Umair telah menjadi saksi kepada semua manusia akan ketegasan dalam mempertahankan akidah dan Islam. Meskipun mendapat tentangan hebat daripada keluarganya sendiri dan diuji antara kasih sayang kepada ibunya, Mus'ab lebih mengutamakan kehidupan Islam yang sederhana dan meninggalkan kemewahan serta darjat.

Kau Memang Kacak, Kau Memang Cantik.



Siti Sabila binti Che Pa



Hadis yang satu ini *famous* sepanjang zaman, diriwayat oleh Imam Ahmad (8952). Ianya tentang akhlak. Akhlak itu, kedudukannya tertinggi dalam Islam. Seinggakan Allah SWT mengutus Nabi SAW bukan sahaja membentuk akidah, bahkan penyempurna keindahan akhlak manusia. Ini disebut berdasarkan hadis sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: **“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”**

Kenapa saya mengangkat hadis ini agaknya? Tidak lain tidak bukan, tatkala membaca satu tajuk berita di portal Berita Harian Online (ketika artikel ditulis) hati saya dirudum perasaan sayu dan pilu. Sejak kebelakangan ini terutamanya, selepas bumi dicengkam virus Covid-19, ianya semakin menjadi-jadi, bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Hampir setiap hari dihidang berita sebegitu di dada-dada media.

Apakah isu popular itu? Salah laku anak remaja. Terpampang tajuk berita, ‘Ibu terkejut anak berusia 14 tahun lahirkan anak.’ Kemudian, dimuatkan juga pengakuan si anak, “Mangsa mendakwa dia ada melakukan hubunga seks dengan rela sebanyak tiga kali bersama dua lelaki terbabit sejak februari lalu selepas mengenali mereka melalui rakan perempuan di sekolahnya.” Allahu Rabbi.

Sejurus masa sebelumnya, negara digemparkan satu kes bunuh melibatkan adik beradik yang berusia 18 tahun dan 16 tahun. Puncanya pergaduhan kecil antara mereka. Cuba kita perhatikan saja cara gurauan anak-anak dengan adik beradik mereka, mulanya bergurau baik, seronok ketawa bersama. Namun, apabila adik menangis disakatnya lagi. Lagi menangis, lagi suka mengusik. Tukang usik pula makin galak ketawa. Itu sudah lebih, menampakkan unsur membuli.

Sahabat ibu ayah yang dikasihi Allah SWT. Akhlak ini, sifatnya tersembunyi, ia spontan dan tidak boleh dibuat-buat. Akhlak yang baik tidak akan meresap dalam jiwa jika tidak membiasakannya.

Bila tiada serapan yang baik, yang jahat mula mengambil alih, maka membentuklah ia satu tabiat yang buruk. Dunia hari ini sangat menakutkan. Sebagai ibu ayah yang mendidik generasi akhir zaman, persiapkanlah diri sendiri sebagai pembentuk, untuk membentuk anak-anak kita dengan akidah yang benar dan akhlak yang mulia. Sebagaimana acuan, begitulah kuihnya.

Mendidik anak, samada lelaki mahupun perempuan tiada bezanya, ikut apa yang disyariatkan Islam. Adalah lebih baik jika anak lelaki lebihkan erti tanggungjawab dan keprihatinan. Keperkasannya menjadi pelindung mendung bagi ibunya, adik perempuannya mahupun kakaknya. Anak perempuan pula, ingatkan tentang perihal malu. Malu membuat maksiat, malu mendedahkan aurat. Malu adalah perisai paling utuh untuk mempertahankan maruah dirinya, agar terus terpelihara.

Jadi, jangan jemu dan berputus asa, teruslah menegur anak-anak ini walau perlu berkali-kali. Siapa lagi yang akan peduli kalau bukan ibu ayahnya yang bertanggungjawab menunjukkan kehidupan yang beradab dan

berakhlak, role model utama buat mereka. Bila sudah mencapai usia remaja, akhlak baik sudah terprogram dalam jiwa, keluarlah yang baik-baik sahaja. Mudah-mudahan. Jika kedua perkara ini dititikberatkan, makturlah sebuah keluarga, agama dan juga negara. Allahu-Akbar!

Menjengah usia remaja pula, tanggungjawab ke atas individu itu sendiri. Zaman penilaian diri, penentuan identiti dan juga dalam fasa pembentukan diri. Jika tersilap langkah, tersasar arah, masa depan mereka sukar terbentuk cantic dan elok. Almarhum Dr Yusuf al-Qardhawi menegaskan, “Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi muda pada hari ini.” Sebagai renungan, lihatlah anak muda dewasa kini. Cuba bayangkan masa depannya pula bagaimana.

Remaja sekalian, realitinya tidak mudah menjadi anak remaja zaman ini, cabarannya terlalu kuat. Buatlah pengorbanan. Pengorbanan yang bagaimana? Satu-satunya adalah, tidak meninggalkan aturan agama. Pedulikanlah agama serta menjaganya, jangan sesekali melencong daripada jalan lurus. Para remaja perlu menyedari, gerakan meruntuh dan memisahkan orang muslim daripada agamanya sedang giat dirancang oleh pihak tertentu.

Akhlak yang mulia ini menjadi penggerak kepada kemajuan dan kesempurnaan hidup. Akhlak yang buruk pula pemusnah yang berkesan meruntuhkan kemanusiaan. Akhlak, ia dapat diterap, dibentuk dan diperbaiki. Individu itu sendirilah yang berusaha mencapainya. Sesuai dengan firman Allah SWT:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَالْهَمَّهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾
وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya.) (7) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. (8) Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan.) (9) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat.) (10)

(Surah Asy-Syam)

Jadi, hayatinya secara praktikal dalam kehidupan sehari-hari. Apa yang perlu dilakukan oleh adik remaja sebagai generasi penerus, generasi pengganti serta generasi pembaharu adalah, tambah ilmu pengetahuan, keazaman yang kuat untuk memiliki akhlak yang baik, serta bijak dalam pergaulan. Bergaullah dengan teman yang baik budi. Insyaa-Allah, terhindar daripada perkara maksiat, negatif dan perkara yang tidak menghuru-harakan, keluarga, masyarakat dan agama. Sebagai ikutan mencantikkan akhlak, Rasulullah SAW adalah sebaik-baik pedoman.

Kau memang kakak, kau memang cantik bila mana peribadimu dihiasi akhlak yang baik.

Karya Irham Hijriana dan M. Syahril Iskandar,

آدَابُ الْمَرْءِ خَيْرٌ مِنْ ذَهَبِهِ

“Adab seseorang itu lebih berharga daripada emasnya.”

الرِّفْقُ بِالضَّعِيفِ مِنْ خُلُقِ الشَّرِيفِ

“Berlemah lembut kepada orang yang lemah itu, adalah suatu perangai orang yang mulia.”

سُوءُ الْخُلُقِ يَغْدِي

“Kerosakan akhlak itu akan menular.”

اتَّخِذْ مِنْ دُونِكَ فَالِكُلِّ شَيْءٍ مَرِيَّةً

“Jangan menghina seseorang yang lebih rendah daripada kamu, kerana segala sesuatu itu mempunyai kelebihan.”

خَيْرُ النَّاسِ أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَأَتْقَاهُمْ لِلنَّاسِ

“Sebaik-baik manusia itu, yang terlebih baik akhlaknya dan sebaik-baik manusia itu yang berguna bagi manusia.”

أَصْلِحْ نَفْسَكَ يَصْلِحْ لَكَ النَّاسُ

“Perbaikilah dirimu sendiri, nescaya orang-orang lain akan baik padamu

KENALI TOKOH AL-QURAN: HAFS'AN ASIM AL-KUFI



Mohd Nazir Kadir
Ketua Pusat Islam,
Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)

Hampir setiap malam jumaat kita membaca surah *Yasin*, sama ada di masjid, surau mahupun di rumah. Terdapat sesetengah negeri seperti di Johor yang menjadikan bacaan surah *al-Mulk* sebagai amalan selepas solat isyak. Malah di kalangan kita juga ada yang membaca al-Quran setiap hari, paling tidak pun dalam seminggu mungkin tiga atau empat kali.

Di samping kita membaca al-Quran, tajwid jangan dipandang ringan sekalipun surah yang kita baca itu telah lancar. Namun begitu tahukah anda bacaan al-Quran yang kita baca setiap hari berdasarkan riwayat apa? Pernahkah anda dengar nama Hafs 'an 'Asim al-Kufi?

Secara ringkasnya Hafs merupakan salah seorang perawi termasyhur bagi imam 'Asim. Nama penuh Hafs adalah Hafs bin Sulaimān bin al-Mughīrah bin Abī Daūd al-Asadi al-Bazzāz al-Kūfi. Dinisbahkan al-Bazzāz kerana beliau merupakan ahli perniagaan menjual pakaian, iaitu al-Baz (البَزَّ). Lahir pada tahun 90H dan merupakan anak tiri imam 'Asim.

Menurut Abū Bakar al-Khatīb, beliau tinggal serumah dengan 'Asim. Al-Zahabi, Ibn al-Jazari dan al-Dāni menyebut, nama beliau juga Hafs bin Abi Dāud, pendapat lain mengatakan, Hufais (حَفَيْص) dan bolehlah dikatakan bahawa beliau hidup di penghujung tempoh sahabat.

Pernah imam Syātibi menyebut dalam matan qasidahnya iaitu *Hirz al-Amāni* tentang ketokohan Hafs dengan untaian bait syair (وَحَفْصٌ وَبِإِتْقَانٍ كَانَ مُفَضَّلًا). Berdasarkan teks matan tersebut Abū Syāmah menerangkan bahawa imam Syātibi menggunakan lafaz tersebut adalah sebagai pujian kerana beliau merupakan seorang yang teliti – itqān. Pujian tersebut juga disaksikan oleh Abū 'Umar, menurut beliau bacaan Hafs adalah yang paling sahih – *asah qirā'āh* berbanding Syu'bah. Syu'bah pula disifatkan dengan sangat dipercayai – *awthaq* berbanding Abū 'Umar (Hafs). Walau bagaimanapun ketokohan beliau khusus adalah dalam bacaan gurunya imam 'Asim, tidak dalam pengriwayatan hadith.

Aliran Sanad Qiraat bagi Riwayat Hafs

Secara ringkas aliran sanad bagi riwayat Hafs adalah dari imam 'Asim. 'Asim pula dari Abū 'Abdul Rahmān 'Abdullāh bin Habīb bin Rabī'ah al-Sulami ad-Dharīr, Abū Maryam Zir bin Hubaish bin Habasyah al-Asadi dan Abū 'Amr Sa'ad bin Ilyās al-Syaibāni. Kemudian mereka pula mengambil bacaan dari 'Abdullāh bin Mas'ūd. Manakala Zir dan al-Sulami mengambil bacaan dari Sayyidina 'Uthmān bin 'Affān dan Sayyidina 'Ali bin Abi Tālib. Seterusnya al-Sulami mengambil bacaan dari Ubay bin Ka'ab dan Zaid bin Thābit. Seterusnya 'Abdullāh bin Mas'ūd, 'Uthmān bin 'Affān, 'Ali bin Abi Tālib, Ubay bin Ka'ab dan Zaid bin Thābit mengambil bacaan daripada Rasulullah SAW.

Berdasarkan aliran sanad didapati bahawa sanad Imam ‘Asim adalah dari tiga (3) sahabat iaitu al-Sulami, Zir dan al-Syaibāni. Manakala al-Sulami dari lima (5) orang sahabat iaitu Zaid bin Thābit, ‘Abdullāh bin Mas’ūd, Muaz bin Jabal, ‘Uthmān dan Ali. Zir pula dari dua (2) orang sahabat, ‘Uthmān, ‘Ali dan ‘Abdullāh bin Mas’ūd. Manakala al-Syaibāni dari seorang (1) sahabat iaitu ‘Abdullāh bin Mas’ūd sahaja. Ini bermakna al-Sulami mempunyai sanad terbanyak kerana mengambil dari lima orang sahabat tertinggi. Oleh itu tidak hairanlah jika beliau menjadi guru kepada sekalian para qurra’ di Kufah ketika zaman beliau.

Keintelektual Hafs

Bacaan al-Quran bagi riwayat Hafs sangat terkenal pada hari ini. Hampir-hampir sahaja orang menyangka al-Quran hanya boleh dibaca dengan qiraat Hafs ‘an ‘Asim. Mereka tidak sedar bahawa qiraat tersebut adalah salah satu dari qiraat-qiraat yang mutawatir yang boleh dibaca, dalam mahupun luar solat. Keintelektualan Hafs dapat dilihat dari sudut kekuatannya dalam ilmu qiraat. Sebagaimana kata Yahya bin Ma’in;

“Riwayat sahih yang diriwayatkan dari imam ‘Asim adalah Abū ‘Umar Hafs bin Sulaimān (Hafs)”. Abū Hisyām berkata; “Hafs merupakan orang yang paling ‘alim dengan qiraat ‘Asim”. Ibn al-Mudāni berkata; “Aku berkali-kali membaca al-Quran dengan Hafs”.

Sumbangan Dalam Bidang Qiraat

Kotokohan beliau dalam bidang qiraat memang diperakui hinggakan bacaan beliau menjadi amalan di sebahagian besar dunia. Tidak dari sudut riwayat sahaja, kekuatan beliau menjadikan para penulis sama ada klasik mahupun kontemporari tidak putus-putus menulis kitab-kitab dan buku berkaitan Hafs dan manhaj bacaan beliau seperti kitab *Muqaddimah fi Qirā’ah Hafs*, karangan al-Anbāri al-Masri al-Azhari (wafat 1063H), disempurnakan penulisannya pada hari isnin, 9 Ramadan malam lailatul qadar, 11690H. Kitab tersebut merupakan kitab klasik yang telah disemak dan diterbitkan semula, antaranya yang ditahkik oleh ‘Abdul ‘Azīm ‘Umrān dan Jamāl Rifā’i al-Syaib (2007), cetakan Dār al-Sahābah, Tanta, Mesir. Seterusnya dari penulisan tempatan, seperti *Ilmu Tajwid: Menurut Riwayat Hafs ‘An ‘Asim Melalui Tariq Asy-Syātibiyyah* oleh Surur Shihabuddin Hassan (2010), cetakan ke-4, Pustaka Salam Sdn. Bhd, Kuala Lumpur yang telah disemak semula oleh Dr. Khairul Anuar Mohamad al-Bakri (USIM).

Dalam Masyarakat

Hafs merupakan salah seorang ulama qiraat Kufah yang sangat dikenali. Oleh itu ketika Ibn Mujāhid ingin memilih imam beserta riwayat-riwayatnya agar masyarakat mudah untuk membaca, beliau menjadikan syarat antaranya ketokohan dan kemasyhuran seseorang imam dan riwayat. Tidak dinafikan selain Hafs masih ramai lagi tokoh-tokoh qiraat tetapi mereka tidaklah sampai tahap masyhur dalam qiraat. Oleh itu di sini jelas menunjukkan sumbangan beliau terhadap masyarakat amat besar hingga hampir semua masyarakat mengenalinya. Hari ini menjadi saksi seakan-akan nama Hafs sahaja yang didengari oleh masyarakat, baik mereka yang membaca al-Quran secara individu, kelompok, dalam ujian tilawah al-Quran kebangsaan mahupun antarabangsa.

Penutup

Semoga dengan sedikit perkongsian pengenalan diri bagi imam ikutan kita dalam bacaan al-Quran ini menambahkan lagi pengetahuan sekaligus mendatangkan keyakinan bahawa semua aliran riwayat-riwayat dalam ilmu qiraat adalah benar, malah ia adalah mutawatir hingga ke Baginda SAW.

REMAJA DAN TANGGUNGJAWAB



Dr. Mohd Zahir bin Abdul Rahman
Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia

Remaja merupakan zaman tempoh peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa yang boleh dikategorikan diantara umur 12 ke 19 tahun (Portal Myhealth). Namun sedarkah kita bahawa terdapat beberapa hadis Rasulullah ﷺ yang memaparkan secara tidak langsung sahabat remaja yang bernama Anas bin Malik? Beliau telah berkhidmat dengan Rasulullah selama 10 tahun. Ayuh kita ikuti tiga Hadis ini dan keterangannya.

Hadis Pertama

Daripada Anas bin Malik, beliau berkata:

صَنَعَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ لِلنَّبِيِّ ﷺ خُبْزَةً وَضَعَتْ فِيهَا شَيْئًا مِنْ سَمْنٍ ثُمَّ قَالَتْ اذْهَبْ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَادْعُهُ
قَالَ فَأْتَيْتُهُ فَقُلْتُ أُمِّي تَدْعُوكَ قَالَ فَقَامَ وَقَالَ لِمَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنَ النَّاسِ قُومُوا قَالَ فَسَبَّحْتُهُمْ إِلَيْهَا
فَأَخْبَرْتَهَا فَجَاءَ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ هَاتِي مَا صَنَعْتِ فَقَالَتْ إِنَّمَا صَنَعْتُهُ لَكَ وَحَدِّكَ فَقَالَ هَاتِيهِ فَقَالَ يَا أَنَسُ
أَدْخِلْ عَلَيَّ عَشْرَةَ عَشْرَةَ قَالَ فَمَا زِلْتُ أَدْخُلُ عَلَيْهِ عَشْرَةَ عَشْرَةَ فَأَكُلُوا حَتَّى شَبِعُوا وَكَانُوا ثَمَانِينَ

Maksudnya: “Ummu Sulaim membuatkan sepotong roti yang diberi minyak samin untuk Nabi ﷺ kemudian dia berkata, “**Pergilah kepada Nabi ﷺ dan undanglah baginda untuk makan.**” Anas berkata: “Maka aku mendatangi baginda dan aku katakan, Ibuku mengundang anda makan”. Anas berkata: “Maka baginda berdiri dan berkata kepada orang-orang yang bersamanya: Mari kita berangkat! Anas melanjutkan, “Aku lalu segera mendahului mereka untuk menemui Ummu Sulaim dan memberitahu kepadanya (perihal kedatangan Rasulullah dan para sahabatnya). Kemudian Nabi ﷺ datang dan bersabda: “Hidangkanlah apa yang telah kamu buat.” Ummu Sulaim menjawab: “Aku hanya membuatkan untukmu saja”. Baginda bersabda: “Hidangkanlah.” Kemudian baginda bersabda lagi: “**Wahai Anas, suruhlah mereka masuk sepuluh orang sepuluh orang.**” Anas berkata, “Aku terus saja memasukkan bersama dengannya sepuluh orang-sepuluh orang, sehingga mereka makan semua sampai kenyang, dan waktu itu mereka berjumlah lapan puluh orang.”

(Ibnu Majah, no: 3342)

Hadis Kedua

Daripada Anas bin Malik dia berkata;

مَرَرْنَا فَاسْتَنْفَجْنَا أَرْنَبًا بِمَرِّ الظُّهْرَانِ فَسَعَوْا عَلَيْهِ فَلَعَبُوا قَالَ فَسَعَيْتُ حَتَّى أَدْرَكْتُهَا فَأَتَيْتُ بِهَا أَبَا طَلْحَةَ
فَذَبَجَهَا فَبَعَثَ بِوَرِكَيْهَا وَفَخَذَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَأَتَيْتُ بِهَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَبِلَهُ

Maksudnya: “Pada suatu ketika kami lewat di Marru Zhahran (nama tempat), tiba-tiba kami dikejutkan dengan seekor arnab, lalu kami kejar arnab tersebut sampai mereka keletihan.” Anas melanjutkan, “Saya juga turut mengejarnya sampai dapat, lantas saya membawanya kepada Abu Talhah, kemudian dia menyembeliknya dan mengirimkan kedua pahanya kepada Rasulullah ﷺ. **Aku lalu membawanya ke hadapan Rasulullah ﷺ dan baginda pun menerimanya.**”

(Muslim: 1953)

Hadis Ketiga

Daripada Anas bin Malik, berkata;

حَدَّمْتُ النَّبِيَّ ﷺ عَشْرَ سِنِينَ فَمَا أَمَرَنِي بِأَمْرٍ فَتَوَاتَيْتُ عَنْهُ أَوْ صَيَّعْتُهُ فَلَا مَنِي فَإِنْ لَامَنِي أَحَدٌ مِنْ
أَهْلِ بَيْتِهِ إِلَّا قَالَ دَعُوهُ فَلَوْ قُدِّرَ أَوْ قَالَ لَوْ قُضِيَ أَنْ يَكُونَ كَانَ.

Maksudnya: “Aku menjadi pembantu Nabi ﷺ selama sepuluh tahun. Tidaklah baginda memberiku perintah, lalu aku lama mengerjakannya, atau tidak aku kerjakan sama sekali, melainkan beliau tidak mencelaku. Apabila ada salah satu anggota keluarga beliau yang mencelaku, beliau bersabda, “Biarkan dia. Kalau dia mampu, pasti dia akan melakukannya.”

(Ahmad: 13418)

Jika ditinjau kepada hadis ini, tugas yang sering diberi kepada Anas antaranya memanggil seseorang, menghantar makanan kepada Rasulullah ﷺ serta melayani keperluan Rasulullah ﷺ. Segala tugas ini sememangnya sesuai dengan umur Anas bin Malik ketika itu. Lantaran itu, orang dewasa seharusnya menilai secara mendalam kebolehan anak remaja mereka agar segala tugas yang perlu dilaksanakan sesuai dengan kematangan mereka. Menariknya, hadis-hadis ini juga menunjukkan tugas yang diberikan kepada Anas bin Malik lebih menjurus kepada pergerakan tubuh badan seperti berjalan dan menerima arahan serta tugas memanggil seseorang.

Memberi arahan kepada remaja bukanlah sesuatu yang mudah dan terkadang perlu mempunyai kepakaran untuk membolehkan remaja ini mendengar arahan anda. Namun perlu diperhatikan juga kemampuan mereka. Dalam erti kata lain, arahan yang sesuai sehingga mereka mampu untuk melaksanakan dengan sebaiknya.

Beberapa pendekatan boleh diamalkan sebagaimana berikut:

♦ Dapatkan Perhatian

Sebelum memberi arahan, pastikan anda mendapat perhatian daripada para remaja terlebih dahulu. Kurangkan gangguan daripada persekitaran. Jika anda melihat mereka sedang bermain, mintalah untuk

mereka berhenti bermain seketika. Elakkan memberi arahan disaat si remaja sedang menonton televisyen atau bermain permainan komputer. Lebih baik sekiranya anda duduk berhadapan dengan mereka, memandang terus ke mata mereka sambil memegang bahu agar mereka mampu fokus pada arahan anda.

Sebut nama si remaja itu dan beri arahan dengan nada yang lembut dan bukan memerintah.

“Fateh, ibu nak Fateh kemas balik mainan setiap kali lepas main. Boleh?”

♦ Berterus Terang Dalam Setiap Arahan

Elakkan untuk berkias dengan para remaja. Anda boleh mencipta ayat pernyataan dan bukannya ayat pertanyaan. Contohnya seperti, “tolong kemas” dan bukannya “Kenapa biarkan mainan ini bersepah?”. Pastikan juga untuk sentiasa menggunakan ayat “Do’s” bukan “Don’ts” agar mudah difahami oleh si remaja. Sentiasa bercakap dalam bentuk memberitahu si remaja apa yang patut dibuat bukan apa yang tidak patut dibuat.

♦ Berada Dekat Apabila Memberi Arahan

Tatkala memberi arahan pada si remaja pastikan kita berada dalam jarak yang dekat. Jangan biasakan untuk bercakap dalam jarak yang jauh kerana anda akan lebih cenderung untuk meninggikan suara. Secara tidak langsung, si remaja akan menganggap menjerit atau bercakap dengan nada yang tinggi adalah perkara yang dibolehkan.

♦ Satu Arahan Pada Satu-Satu Masa

Para remaja terkadang memerlukan masa untuk memproses maklumat yang diberi kepadanya. Maklumat yang mudah akan membantu mereka dalam memproses dan memahaminya. Misalnya jika arahan tersebut meminta anak makan dan kemudian meletakkan pinggan dalam sinki, berilah arahan seperti berikut:

“Abang, makan nasi tu” Biar dia selesaikan dulu tugas yang pertama sebelum memberi arahan yang

seterusnya seperti “Adik nanti letak pinggan dalam sinki ya”.

Elakkan dari ungkapan yang banyak arahan dalam satu ayat. Sebagai contoh; “Adik, makan nasi tu kemudian angkat pinggan dan letak dalam sinki dan kemudian bersihkan tempat makan tu”. Kemampuan minda bagi para remaja memproses pelbagai maklumat secara serentak sangat terhad. Justeru, beberapa saranan perlu diusahakan dalam menjalinkan hubungan mesra ibu ayah dengan si remaja mereka ini.

♦ Berikan Pujian

Ibu bapa hendaklah membiasakan diri untuk memberikan pujian pada si remaja jika mereka patuh pada arahan yang diberikan. Contohnya seperti, “*Pandainya anak teruna ibu kemas mainan, terima kasih.*” Dengan ini, si remaja akan lebih mudah untuk mendengar kata di masa akan datang.

♦ Menyediakan para remaja untuk hidup berdikari

Agar si remaja tidak menanamkan dalam fikiran bahawa kerja rumah khusus untuk wanita/ibu sahaja.

♦ Mendorong keyakinan dalam diri remaja

Pastikan si remaja tidak banyak didedahkan dengan screen (gajet) kerana dikhuatiri boleh menyebabkan masalah kesihatan mental. Sebagai ibu ayah, anda perlu memberi peluang dan pengalaman agar si remaja mencuba kerja rumah atau menerima sesuatu arahan. Sebagai contoh memberi peluang mereka masak telur di atas kuah lalu memuji perbuatan mereka ini.



Justeru, tidak salah menyuruh atau mengarahkan si remaja untuk kerja-kerja rumah kerana Anas bin Malik pun pernah melaluinya menerusi perkhidmatan beliau selama 10 tahun dengan Rasulullah. Cumanya pendekatan dan teknik bercakap dan arahan perlu disesuaikan mengikut umur dan kematangan si remaja.





TAK KENAL MAKA TAK CINTA


JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 32



TEMA:
AL-QURAN

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 33

| Kandungan | |
|---------------------------------|-----|
| Kata Pengantar | vii |
| Atasah | 1 |
| Bekerjasama | 17 |
| Bertutur Mulia | 35 |
| Berdajalin | 57 |
| Berish | 81 |
| Berisyakur | 101 |
| Berlanggawab | 115 |
| Jujur Iktis | 127 |
| Sederhana | 137 |
| Tekun Bekerja/Dedikasi | 151 |
| Adil | 169 |
| Bersedia dan Berwaspada | 183 |
| Bertutur Baik | 193 |
| Imu | 213 |
| Jangan Zalim/Menganiaya/Kerajam | 229 |
| Kepimpinan | 245 |
| Mematikan | 263 |
| Membeni Nafkah | 273 |
| Pemad | 285 |
| Pembangunan | 297 |
| Pengurusan Kewangan/Harta | 318 |
| Perpaduan | 337 |
| Satua | 351 |
| Syura | 369 |
| Tamuk dan Beristikom | 385 |



RM 31.50

TEMA:
AL-QURAN



KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM

